



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW, GOVERNMENT AND COMMUNICATION (IJLGC)

www.ijlgc.com



PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DUN SLIM, PERAK 2020: STATUS QUO GEOPOLITIK BN DI ERA PENULARAN WABAK PANDEMIK COVID-19

*BY-ELECTION OF STATE LEGISLATIVE ASSEMBLY OF SLIM, PERAK 2020: BN
GEOPOLITICAL STATUS QUO IN THE ERA OF COVID-19 PANDEMIC*

Junaidi Awang Besar^{1*}

¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: jab@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 26.04.2022

Revised date: 01.05.2022

Accepted date: 15.05.2022

Published date: 10.06.2022

To cite this document:

Awang Besar, J. (2022). Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Slim, Perak 2020: Status Quo Geopolitik Bn Di Era Penularan Wabak Pandemik Covid-19. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 23-39.

DOI: 10.35631/IJLGC.728002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pilihan Raya Kecil (PRK) Slim, Perak 2020 merupakan PRK yang kedua iaitu yang ke 12 selepas PRU-14 diadakan dalam keadaan penularan wabak pandemik COVID-19 masih berlaku namun menuju pemulihan. PRK ini diadakan berikutan kematian penyandang ADUN Slim iaitu Dato' Seri Mohd. Khusairi Abdul Talib pada 15 Julai 2020 kerana serangan jantung. Kawasan DUN Slim yang terletak dalam Parlimen Tanjung Malim, Perak boleh dikategorikan sebagai kubu terkuat BN/UMNO kerana hanya BN/UMNO yang menang di kawasan DUN tersebut sepanjang 14 kali pilihan raya. Kawasan ini berdemografikan majoriti 84 peratus pengundi Melayu yang dilingkungi kawasan luar bandar merangkumi kawasan skim FELDA, perkampungan tradisi Melayu, estet India dan pekan Cina. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis status quo geopolitik BN di era penularan wabak pandemik COVID-19 dalam PRK DUN Slim, Perak 2020. Berdasarkan analisis data keputusan PRK DUN Slim 2020, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kemenangan BN/UMNO dalam PRK tersebut sudah dijangka kerana kawasan tersebut merupakan kubu kuat BN/UMNO, tiada parti politik besar yang bertanding, kestabilan dibawah teraju BN, keamanan dibawah pemerintahan BN, geopolitik etnik Melayu bersama BN/UMNO, sokongan pengundi teras iaitu daripada orang UMNO, calon BN yang dikenali dan merupakan anak tempatan serta kadar keluar mengundi yang rendah. Justeru, pilihan raya ini menunjukkan BN/UMNO masih popular di kawasan tersebut dengan mencapai kemenangan yang besar.

Kata Kunci:

Pilihan Raya Kecil, Status Quo, Kawasan, Parti Politik, Kubu Kuat

Abstract:

The Slim, Perak By Election, 2020 is the second by election, the 12th after GE-14, which was held in a situation where the COVID-19 pandemic was still going on but heading for recovery. The by election was held following the death of the incumbent Slim ADUN, Dato' Seri Mohd. Khusairi Abdul Talib on 15 July 2020 due to a heart attack. The Slim state constituency located in the Tanjung Malim Parliament, Perak can be categorized as the strongest stronghold of BN/UMNO because only BN/UMNO won in the state constituency during the 14 elections. This area has a demographic majority of 84 percent Malay voters which is surrounded by rural areas including FELDA scheme areas, traditional Malay villages, Indian estates and Chinese towns. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the geopolitical status quo of BN in the era of the COVID-19 pandemic in the Slim, Perak 2020 by election. Based on the analysis of Slim 2020 by election results data, field observations and analysis of secondary sources such as journal articles and conference papers, the findings show that BN/UMNO's victory in the by election is indeed expected because the area is a stronghold of BN/UMNO, no major political parties contesting, stability under BN leadership, peace under BN rule, Malay ethnic geopolitics with BN/UMNO, the support of the core voters namely from UMNO people, well-known BN candidates and is a local leader and low turnout. Thus, this election shows that BN/UMNO is still popular in the area with a big victory.

Keywords:

By Election, Status Quo, Constituencies, Political Parties, Strongholds

Pengenalan

Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Slim, Perak 2020 diadakan berikutan kematian penyandang ADUN Slim iaitu Dato' Seri Mohd. Khusairi Abdul Talib pada 15 Julai 2020 kerana serangan jantung. PRK ini diadakan di kawasan kubu kuat BN/UMNO kerana kawasan ini hanya dimenangi BN/UMNO sepanjang 14 kali pilihan raya. Komposisi etnik di kawasan ini adalah majoriti Melayu iaitu 84 peratus namun dari segi lokasi geografi, kawasan ini dilingkungi kawasan skim FELDA, perkampungan tradisi Melayu, estet India dan pekan Cina. Natijah PRK ini diadakan adalah untuk melihat kerjasama antara parti politik dalam Muafakat Nasional (MN) antara BN/UMNO dengan PAS serta dengan Perikatan Nasional (PN) iaitu BERSATU untuk dilihat kerjasama kedua-dua pakatan parti politik tersebut demi memenangkan calon BN/UMNO dalam PRK tersebut. PRK ini juga dapat menghasilkan impak terhadap politik dan sosioekonomi setempat dan juga kepada peringkat nasional. Keputusan PRK menunjukkan BN/UMNO menang besar dengan majoriti 10,945 undi disebabkan faktor tertentu yang akan dibincangkan dengan lebih lanjutnya dalam artikel ini. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis status quo geopolitik BN di era penularan wabak pandemik COVID-19 dalam PRK DUN Slim, Perak 2020.

Kajian Lepas: Politik Pilihan Raya di Negeri Perak

Terdapat beberapa kajian awal ke atas senario politik di Perak sama ada isu semasa, kepemimpinan mahupun yang berkaitan dengan pilihan raya telah dilakukan oleh penyelidik tempatan. Kamaruddin (1988) dalam buku beliau yang bertajuk “Riwayat Hidup Menteri Besar-Menteri Besar Perak Darul Ridzuan” menjelaskan bahawa 7 orang tokoh yang pernah menjadi Menteri Besar Perak mempunyai latar belakang dan gaya kepimpinan yang tersendiri. Kesemua tokoh ini berkebolehan dalam mentadbir negeri dan menyelesaikan masalah yang dihadapi menjadikan mereka sebagai tokoh yang berjasa kepada bangsa dan negeri Perak.

Junaidi dan Mohd Fuad (2009); dan Junaidi et al. (2010) berpendapat Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Bukit Gantang yang diadakan pada 7 April 2009 kerana kematian penyandangannya iaitu Roslan Shaharum daripada PAS dapat dijadikan pungutan suara rakyat sama ada menerima atau sebaliknya terhadap penubuhan kerajaan baru Negeri Perak dibawah pemerintahan BN. Hasil kajian menunjukkan hampir 100 peratus responden etnik Melayu, Cina dan India menjadikan televisyen sebagai sumber utama maklumat politik mereka. Dari segi kriteria calon pula, responden Cina menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat berbanding Melayu dan India. Responden Melayu, Cina dan India bersetuju bahawa mereka tidak merestui wakil rakyat mereka berhenti dan melompat parti. Persoalan mengenai krisis perlembagaan negeri Perak memperlihatkan responden Melayu lebih cenderung menyokong Institusi Raja dan sebaliknya bagi responden Cina dan India. Ketiga-tiga kaum bersetuju Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak akan dapat menerajui pembangunan negara dengan lebih inovatif dan progresif. Bloggers Network Perak (2009) dalam buku yang bertajuk “Rampasan Kuasa Negeri Perak Durjana UMNO-BN: Siapa Menteri Besar yang Sah Mengikut Undang-Undang” menjelaskan bahawa rampasan kuasa di Perak oleh BN/UMNO merupakan peristiwa politik yang tidak berperlembagaan dan mengkhianati mandat rakyat yang memilih PR untuk memerintah Perak selepas PRU 2008.

Amer Hamzah (2011) dalam bab dalam buku yang bertajuk “The Real Question on Perak” menjelaskan bahawa krisis politik Perak menimbulkan persoalan dari segi kuasa Menteri Besar dan Sultan dari segi pembubaran DUN atau pembentukan kerajaan baharu berlandaskan kedaulatan undang-undang yang sebenar. Kuek (2012) dalam kajian PRK Parlimen Bukit Gantang, Perak mendapati sokongan padu pengundi Cina di samping kekecewaan pengundi terhadap peristiwa rampasan kuasa kerajaan negeri Perak oleh BN menjadi faktor utama kemenangan PAS dalam PRK tersebut.

Junaidi & Mohd Fuad (2013) dalam kajian PRK kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak mendapati bahawa antara faktor-faktor penyebab BN menang di kawasan Melayu pada PRK ini ialah krisis politik dan perlembagaan di Perak. Orang Melayu tidak setuju dengan Pakatan Rakyat kerana kritikan Karpal Singh (DAP) dan Dato’ Seri Mohammad Nizar Jamaluddin (PAS) terhadap Sultan Perak kerana tindakan ini dianggap tidak menghormati Artikel 16 (6) Undang-undang Tubuh Negeri Perak iaitu Kuasa Sultan Perak dalam memutuskan perlantikan Menteri Besar Perak.

Amir Hasan (2013) dalam kajian pola pengundian di Perak dalam pra PRU-13 menjelaskan bahawa adalah sukar untuk membuat ramalan parti yang bakal menang besar pada PRU-13 di Perak. Namun kemenangan parti politik yang bertanding sangat bergantung kepada faktor yang mempengaruhi corak pengundian iaitu faktor politik dalaman Perak dan juga politik

kebangsaan. Amer Saifude (2013) dalam kajian pola pengundian PRK Parlimen Bukit Gantang menjelaskan bahawa kemenangan PAS dalam PRK tersebut disebabkan peristiwa semasa sosiopolitik Perak iaitu disebabkan peralihan kuasa daripada Kerajaan PR kepada Kerajaan BN-UMNO tanpa mendapat mandat rakyat yang telah mengecewakan sebilangan kelompok pengundi dan disifatkan sebagai lambang kerakusan BN-UMNO.

Junaidi et al. (2014) dalam kajian PRK Parlimen Teluk Intan mendapati secara keseluruhannya sokongan pengundi di kawasan ini dipengaruhi oleh 'pilihan rasional'. Ini kerana berdasarkan pemerhatian di lapangan melalui senario kempen dan penerimaan pengundi ketika itu menunjukkan majoriti pengundi di kawasan Parlimen Teluk Intan mengundi calon atau parti yang dapat membawa perubahan dan pembangunan yang lebih baik terutamanya pengundi daripada etnik Melayu dan India. Reema (2014) dalam kajian PRU-13 di kawasan Parlimen Lumut, Perak menjelaskan bahawa kemenangan calon Melayu PKR di kawasan tersebut disebabkan sokongan pengundi Melayu kepada calon tersebut kerana calon BN adalah daripada etnik Cina.

Siti Noranizahhafizah & Jayum (2016) dalam kajian keputusan PRU 2013 di negeri Perak menjelaskan bahawa pada PRU 2013 yang lalu, BN menang di negeri Perak dengan kedudukan yang sengit seperti PR pada PRU 2008. Kedudukan ini dilihat agak goyah kerana sekiranya berlaku perubahan kedudukan beberapa kerusi, parti yang pemerintah boleh jatuh seperti yang berlaku kepada PR selepas PRU 2008. Madhi & Muhamad Nadzri (2017) dalam buku yang bertajuk "Kerajaan Pakatan Rakyat di Perak: Gelora dalam Politik Gabungan" menjelaskan bahawa pemerintahan Pakatan Rakyat di Perak selama 11 bulan bukan sahaja singkat tetapi juga penuh drama dan kontroversi.

Khairi, Ramli & Tuan Waheeda (2019) dalam kajian PRU 2018 di Perak menyatakan bahawa politik lompat parti terus mewarnai senario politik negeri untuk membentuk Kerajaan Negeri yang stabil. Iskandar Dzulkarnain (2020) menjelaskan bahawa undi Melayu yang berpecah kepada tiga parti iaitu BN, PAS dan PH di Perak serta PH yang mendapat undi majoriti daripada pengundi Cina dan India menyebabkan PH berjaya menawan Perak dengan jumlah kerusi DUN yang tipis.

Haslinda (2020) dalam artikel jurnal yang bertajuk "Election During Covid-19 Pandemic: Constitutional Perspectives: menjelaskan bahawa garis panduan yang digunakan semasa pilihan raya kecil kerusi DUN Chini telah digunakan dalam pilihan raya kecil Slim dengan beberapa penambahbaikan untuk membendung penularan Covid-19. SPR mengeluarkan kenyataan akhbar Garis Panduan Pencegahan Covid-19 Pelaksanaan Pilihan Raya di Pilihan Raya Kecil Slim pada 14 Ogos 2020. Kandungan garis panduan yang dikeluarkan adalah seperti SOP semasa PRK Chini Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 14 Ogos 2020. Ini termasuk bilik gerakan parti dan bilik pilihan raya kecil yang lebih kecil yang dibenarkan dibuka semasa pilihan raya kecil, termasuk pada hari pengundian, tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh SPR. Bilik gerakan hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan SPR bagi tujuan pemantauan, kempen dan ceramah hanya boleh dijalankan di kawasan tertutup atau berpagar bagi memudahkan pemantauan dan pemeriksaan suhu badan, jumlah kehadiran hendaklah mengikut saiz lokasi dengan penjarakan sosial, dan tidak melebihi 250 individu pada satu-satu masa, dan adalah wajib untuk semua menggunakan topeng muka.

Junaidi & Rosniza Aznie (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Sentimen dan Sokongan Politik Luar Bandar” di kawasan Parlimen Pasir Salak, Perak mendapati bahawa pengundi di luar bandar dipengaruhi sentimen kepartian yang kuat dan setia atau lebih dikenali sebagai identifikasi parti yang kental. Identifikasi parti yang kuat tersebut pula dipengaruhi oleh ikutan terhadap anutan ideologi politik sejak turun temurun (pengaruh kekeluargaan) dan juga berfahaman ideologi kepartian yang tinggi. Golongan ini juga kebiasaannya mempunyai semangat feudalisme yang tinggi iaitu patuh kepada arahan pemimpin dan bermentalitikan ‘politik pembangunan’ yang tinggi. Justeru, parti yang mempunyai ideologi yang jelas serta mempunyai jentera akar umbi yang mantap akan disokong oleh pengundi luar bandar ini. Mereka juga lebih selesa dan yakin dengan parti politik sedemikian dan akan terus kekal menyokong parti politik tersebut dalam setiap pilihan raya.

Nur Adilah Shahirah, Ariff Aizuddin & Mazlan (2021) dalam artikel yang bertajuk “Pilihan Raya Kecil Slim 2020 di Perak, Malaysia: Prestasi Perikatan Nasional” mendapati bahawa fenomena PRK Slim yang berlaku di saat negara dibebani penularan virus pandemik ini memperlihatkan pelbagai isu berbangkit dalam menstabilkan pentadbiran negara rentetan episod rampasan kuasa berlaku buat julung kalinya setelah negara digemparkan dengan keruntuhan empayar rejim BN yang berdiri kukuh selama lebih enam dekad lamanya. Kajian ini melihat bahawa isu rampasan kuasa serta penggulingan kerajaan membawa impak yang berbeza berbanding pilihan raya yang lepas setelah gagasan kerajaan yang baru ini kembali mendaki tampuk pemerintahan yang pernah didiami mereka sebelum ini. Dalam erti kata lain, PRK Slim merupakan satu penanda aras bagi mengukur sokongan pengundi terhadap kerajaan baru yang tidak dipilih rakyat dengan menggulingkan kerajaan yang sedia ada. Walaupun PRK Slim ini boleh dikategorikan sebagai salah satu kes ataupun fenomena yang terpercil, namun ia tetap mempunyai signifikan yang tersendiri bagi melihat penerimaan pengundi rentetan pelbagai episod ketidaktentuan politik yang menimpa negara. Kajian ini memberikan gambaran akan kesetiaan pengundi di Slim terhadap rejim BN, tanpa dipengaruhi sentimen politik nasional sebagaimana parti tersebut merupakan sebahagian daripada kerajaan baru yang tidak diundang masuk ke dalam pentadbiran melalui proses demokrasi, sekaligus memberikan gambaran yang jelas akan posisi dinamik serta ketidaktentuan politik negara yang telah mencorakkan lagi landskap politik di Malaysia.

Junaidi, Rosmadi & Mohd Muslim (2021) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Geografi Pilihan Raya Parlimen Bagan Serai: Isu dan Aplikasi” menjelaskan bahawa kawasan Parlimen Bagan Serai merupakan kawasan luar bandar yang dihuni majoriti Melayu terutamanya berketurunan Banjar yang berasal daripada Indonesia mempunyai sokongan kepada BN dan PAS/PMR yang seimbang, namun kedua-dua parti politik tersebut mempunyai penyokong atau kubu kuat di kawasan Daerah Mengundi tertentu iaitu BN di Alor Pongsu, Matang Gerdu, Changkat Lobak, Parit Simpang Lima, Kedai Dua, Pandak Puteh, Kubu Gajah, Kota Bandung, Telok Medan, Jalan Gula, Kampong Dew, Matang Jelutong dan Pondok Tanjong Barat manakala PAS di Mesjid Tinggi, Parit Gabis, Parit Haji Amin, Gunong Semanggol dan Parit Haji Taib. PH/PMR pula menguasai kawasan campuran dan majoriti pengundi etnik Cina serta India di Jalan Baharu, Ladang Chersonese, Ladang Gula, Sungai Dungun, Ladang Lian Seng, Bagan Serai, Main Road Bagan Serai, Jalan Siakap and Kuala Gula. Faktor identifikasi parti, ideologi keagamaan Islam, politik pembangunan, isu semasa dan faktor calon mempengaruhi sokongan pengundi kepada parti politik yang bertanding mengikut kawasan-kawasan daerah mengundi tertentu.

Siti Noranizahhafizah et al. (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Rasional Politik Pilihan Raya di Perak Dalam PRU-14” menjelaskan bahawa PH telah berjaya membentuk kerajaan di negeri Perak. Namun, berdasarkan keputusan PRU-14 dapat dikatakan kedudukan PH dan BN hampir sama kuat kerana PH melebihi dua kerusi dari BN dan baki tiga kerusi dimenangi oleh PAS. Namun, dengan adanya sokongan daripada dua ADUN BN memihak kepada PH, dapat membentuk kerajaan dan melancarkan perlintakan menteri besar. Kedudukan yang sengit ini dilihat agak goyah kerana sekiranya berlaku perubahan kedudukan beberapa kerusi atau pakatan, parti yang pemerintah boleh jatuh seperti yang berlaku kepada PR selepas PRU 2008.

Metod Kajian

Bagi penulisan artikel ini, kedua-dua metod atau kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan untuk memantapkan dapatan kajian seterusnya mengukuhkan perbincangan kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengalaman hidup yang sebenar sebagai tindak balas kepada penterjemahan dan kefahaman kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar. Data yang diperoleh daripada kaedah ini kebiasaannya tidak berstruktur tetapi memiliki skop yang amat mendalam. Teknik penyelidikan yang digunakan dalam kaedah ini ialah pemerhatian di lapangan bagi memahami sendiri kehidupan dan pengalaman yang dilalui oleh responden. Kaedah kuantitatif lebih melibatkan data berangka. Kaedah ini turut digunakan bagi membuktikan atau menyanggah sesuatu hipotesis dan mampu menghasilkan penemuan baru. Selain itu, kaedah ini juga berupaya untuk menghasilkan keputusan yang tepat, sah, boleh dipercayai dan objektif dalam skop data kajian. Data kuantitatif dan maklumat kualitatif bagi penulisan artikel ini diperoleh dengan menggunakan metod rujukan sumber primer iaitu keputusan PRK DUN Slim dan juga pemerhatian di lapangan manakala data sekunder pula diperoleh melalui rujukan sekunder terhadap bahan-bahan bercetak yang berkenaan daripada laporan, kertas kerja, artikel, buku prosiding, buku rujukan ilmiah dan jurnal. Data keputusan PRK DUN Slim dan bahan daripada sumber sekunder digarap bersekali mengikut lunas akademik seterusnya menghasilkan penulisan analisis PRK tersebut yang berkesan.

Kawasan Kajian


Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim Perak terletak di garisan lintang 352° 21' T dan garisan bujur 101°28' U. Kawasan ini mengalami iklim yang panas dan lembab sepanjang tahun serta seragam. Hujan yang turun adalah dari jenis perolakan dan hujan bukit. Walau bagaimanapun, jumlah taburan hujan di kawasan ini tidak sekata serta berubah-ubah bergantung kepada perubahan angin monsun. Dari segi penduduk, DUN Slim merupakan kawasan majoriti Melayu dengan 76% daripada pengundi merupakan Melayu Islam. Kawasan DUN Slim Perak juga merupakan salah satu mukim yang terdapat di negeri Perak dan juga merupakan salah satu dari mukim yang terletak dalam pentadbiran Daerah Batang Padang. Pekan Slim adalah suatu Kawasan yang berdekatan dengan bandar Slim River di Negeri Perak, Malaysia.

DUN Slim berkeluasan 520 km persegi merangkumi 13 kawasan Daerah Mengundi iaitu Ladang Sungkai, Pekan Lama, Changkat Sulaiman, Trolak Utara, Trolak Selatan, Trolak, Pekan Slim, Sungai Slim Utara, Kampong Kuala Slim, Ladang Kelapa Bali, FELDA Gunong Besout II, FELDA Gunong Besout I dan FELDA Gunong Besout V (Lihat Rajah 1). Sebanyak 12 pusat mengundi membabitkan 54 saluran. 12 pusat yang dimaksudkan adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Sulaiman; SK Trolak Utara; SK Trolak Selatan; SK Seri Besout; SK Besout 3 dan 5; SK Kuala Slim; SK Slim River; SK Aminudin Baki; Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Sungkai; SJKT Ladang Kelapa Bali dan SJKT

Trolak. Proses pengundian Pilihan Raya Kecil DUN Slim Perak ini telah mengambil masa selama sembilan jam setengah itu membabitkan seramai 22,749 pemilih berdaftar yang layak menunaikan tanggungjawab mereka. Daftar pemilih DUN berkenaan turut merangkumi 267 pengundi awal dan 78 orang mengundi secara pos. Seramai 689 petugas telah dilantik Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi mengendalikan dan memantau proses pengundian PRK DUN Slim 2020.

Dari segi komposisi etnik, terdapat 74.6 peratus etnik Melayu, 10.5 peratus etnik Cina, 13.2 peratus etnik India, 1.5 peratus Orang Asli dan selebihnya ialah etnik lain. Pada PRU 2018, DUN Slim dimenangi oleh calon BN/UMNO iaitu Dato' Seri Mohd. Khusairi Abdul Talib yang memperoleh 8,327 undi menewaskan calon PH/PPBM iaitu Mohd Amran Ibrahim (6,144 undi) dan calon PAS iaitu Muhammad Zulfadli Zainal (4,013 undi) dengan majoriti 2,183 undi. Undi rosak ialah 350 undi manakala jumlah peratusan keluar mengundi ialah 81.5 peratus.

Asal usul Slim adalah dari sebuah ladang getah semasa zaman penjajahan British di Tanah Melayu. Ketika ini ramai buruh ladang dibawa masuk dari Selatan India dan Sri Lanka untuk menjadi buruh ladang untuk menebang hutan, menanam pokok getah dan menoreh getah apabila pokok getah telah matang. Pembauran daerah Slim ini telah berkembang apabila peladang British ini telah membina rumah ladang lengkap dengan bilik dua buah, air, elektrik, jalan raya, kuil, masjid, klinik, sekolah dan lain-lain. Ladang ini telah berkembang menjadi pekan dan bandar seperti Slim River, Behrang dan Bidor. Tambahan, pada kemaraan tentera Jepun dari utara Semenanjung Malaysia ke selatan menuju Singapura, Jambatan Slim River menjadi medan pertempuran utama antara tentera British dengan tentera Jepun. Bagi melambatkan kemaraan tentera Jepun, Jambatan Slim River yang penting di Sungai Slim telah diletupkan oleh tentera British.



Rajah 1: Peta Kawasan DUN Slim, Perak

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

Hasil Kajian dan Perbincangan

Calon yang Bertanding

Antara calon yang bertanding dalam PRK DUN Slim, Perak ialah Mohd Zaidi Aziz (BN/UMNO). Beliau berumur 43 tahun dan kini telah menjadi pemangku Ketua UMNO Bahagian Tanjung Malim, Perak. Beliau merupakan peniaga dan usahawan. Beliau menetap di Rumah Awam, Slim Village, 35800 Slim River, Perak. Beliau mempunyai ijazah Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences, IRKHS daripada Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 2001. Tambahan pula, beliau mempunyai pengalaman bekerja sebagai Pegawai Pemantau Khas kepada Menteri Besar Selangor (2007-2008), usahawan, Ahli Majlis Daerah Tanjung Malim dan Pegawai Eksekutif Institut Pembangunan Minda Selangor INMINDS (2004-2007). Selain itu, beliau juga mempunyai pengalaman sebagai penggerak kerja NGO antaranya adalah dalam ABIM (2003-2006), Angkatan Belia Islam, Penolong SU Agong, AJK Kerja, Presiden, Majlis Belia Malaysia, MBM (2001-2007), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, PKPIM (2001-2003), Timbalan Presiden, Federasi Kebangsaan Pekerja Belia, FKPB (2019-2020) dan banyak lagi. Antara penglibatan beliau dalam politik pula ialah, sebagai Ketua UMNO Cawangan Slim Village (2018-2020), Ketua Pemuda Cawangan Slim Village (2000-2018), AJK Biro Kebajikan UMNO Malaysia (2015-2018), Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tanjung Malim dan Ketua Penerangan UMNO Bahagian Tanjung Malim (2013-2018).

Calon yang seterusnya ialah Amir Khusyairi Mohamad Tanusi. Beliau lahir pada 1982 dan merupakan Peguam syarie dan peguam bela muda berumur 38 tahun. Amir Khusyairi merupakan anak jati Perak Darul Ridzuan iaitu berasal daripada luar kawasan Slim iaitu daripada Teluk Intan, Perak. Bapanya ialah Allahyarham Hj Mohamad Tanusi Maulut merupakan seorang bekas naib kadi Teluk Intan manakala ibunya pula ialah Hajah Jariah Mohd Yunus merupakan seorang pesara guru agama. Beliau amat fasih dalam tiga bahasa yang mana antaranya ialah Bahasa Arab, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdullah di Chenderong Balai, Perak merupakan tempat belajar oleh Amir Khusyairi ketika beliau di tingkatan 1-5. Kemudian beliau meneruskan pelajarannya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan turut mengambil program pasca siswazah dalam bidang Diploma Syariah Lanjutan Amalan di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Tambahan pula, beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang serta Diploma Ijazah Syariah. Antara pekerjaan yang pernah disandang oleh beliau ialah sebagai pengasas di sebuah firma guaman iaitu Amir Khusyairi & Associates (AKA) di Perak dan Selangor. Tambahan pula, sejak tahun 2007, beliau telah menyandang sebagai peguam syarie dan peguam bela. Di samping itu, beliau telah dicalonkan Parti Pejuang Tanah Air di PRK DUN Slim, Perak pada 12 Ogos 2020 iaitu pada malam khamis. Namun begitu beliau hanya menjadi calon bebas kerana parti tersebut belum berdaftar dengan ROS.

Calon yang terakhir ialah Santhara Sekaran Subramaniam. Beliau berumur 42 tahun dan merupakan orang tempatan di Negeri Perak. Beliau merupakan bekas seorang guru. Santhara Sekaran menghantar borang pencalonannya pada 9.02 pagi di Pusat Penamaan Calon PRK DUN Slim, Perak.

Kempen

Setiap kempen dalam pilihan raya adalah unik dan istimewa kerana setiap kempen pilihan raya menggunakan pendekatan yang berbeza dalam mengetengahkan sesuatu isu untuk mempengaruhi fikiran pengundi. Matlamat utama kempen pilihan raya adalah untuk melobi serta mempengaruhi pengundi kerana pengundi merupakan penentu untung nasib seorang calon pilihan raya. Masa yang diperuntukkan untuk kempen adalah amat terhad dan dalam masa yang terhad ini kempen pilihan raya perlu dirancang secara teliti. Di DUN Slim, Perak juga mempunyai pelbagai kempen yang dijalankan oleh parti atau calon yang bertanding untuk meraih dan melobi undi daripada pengundi di DUN Slim, Perak.

Bagi kempen media sosial, dalam PRK Slim telah menambahkan suasana kelangsungan berkempen apabila seharusnya tidak boleh lagi bergantung kepada kempen yang bersifat fizikal semata-mata. Kempen melalui media sosial juga dipergiatkan secara meluas apabila semua perkara dan maklumat mudah disebarkan melalui media sosial seperti *WhatsApp*, *Twitter*, *Telegram* dan *Facebook*. Dalam PRK DUN Slim Perak juga terdapat peranan dan terlibat kempen melalui media sosial untuk menyebarkan poster, manifesto dan sebagainya melalui aplikasi seperti *WhatsApp* dan *Facebook*. Melalui aplikasi ini juga mereka boleh menyebarkan video serta maklumat kempen dengan lebih cepat kepada lebih ramai masyarakat berbanding kempen lain.

Bagi kempen tradisional/konvensional iaitu pemasangan bendera dan poster, di DUN Slim, Perak, perang bendera berlaku dengan hebat antara parti yang bertanding. Di setiap kiri dan kanan jalan sekitar DUN Slim mempunyai bendera dan poster yang mengandungi manifesto

dan slogan setiap calon iaitu perang bendera dan poster ini banyak dipasang bagi menghangatkan situasi kempen yang sedang dijalankan oleh parti dan calon yang bertanding. PRK di DUN Slim Perak juga terdapat kenderaan yang menggunakan pembesar suara bagi melaungkan pujukan kepada masyarakat umum slim untuk meraih undian daripada masyarakat.

Kempen secara berhubung bersemuka oleh calon dengan pengundi adalah kaedah mendekati pengundi paling berkesan dan disukai pengundi. Seorang calon dalam sesuatu pilihan raya harus sedar bahawa sumber amat terhad. Sumber ini merangkumi masa, tenaga (sukarelawan) dan wang. Oleh yang demikian, sumber yang terhad ini perlu digunakan semaksimum mungkin untuk mendekati pengundi. Perancangan yang rapi mampu mengelakkan pembaziran sumber iaitu sumber yang ada perlu dirancang mengikut fasa awal, fasa pertengahan sehinggalah fasa akhir iaitu pada hari pengundian. Ketiga-tiga calon dilihat lebih cenderung mengadakan ceramah dalam skala kecil, tinjauan mesra dan ziarah kasih dari satu kawasan ke kawasan lain.

Isu

Kempen yang dijalankan di DUN Slim Perak telah membangkitkan pelbagai isu sosioekonomi yang mengisahkan naratif kehidupan rakyat di Slim. Isu yang dibincangkan oleh pengundi di DUN Slim adalah isu bencana alam sekitar, petempatan dan aktiviti ekonomi.

Bagi isu bencana alam sekitar, masalah banjir kilat telah menjadi isu utama bagi calon BN, Mohd Zaidi Aziz dalam meraih undi penduduk Slim. Banjir kilat berlaku disebabkan oleh limpahan air Sungai Slim susulan hujan lebat yang tidak berhenti dalam tempoh masa yang lama iaitu masalah ini merupakan masalah utama bagi penduduk Slim. Menurut bekas ketua kampung Klah Baru, Mohd Ishak Hassan, beliau mengakui setiap kali musim hujan maka lebih 30 kediaman penduduk berhampiran sungai akan dinaiki air dengan kejadian terbaru pada Jun 2020. Hal ini sama terjadi apabila hujan lebat berterusan hampir lapan jam pasti akan berlaku banjir kilat di kawasan tersebut dan pernah beberapa keluarga terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara. Sehubungan dengan itu, calon BN tersebut nekad membantu 7,000 penduduk di Kampung Klah Baru, Trolak, Pekan Slim dan Kuala Slim yang dibelenggu masalah banjir kilat sejak sekian lama.

Isu perumahan juga turut menjadi perbincangan dalam kalangan masyarakat Slim, Perak. Isu ini melibatkan isu setinggan di kawasan tanah rizab keretapi Tanah Melayu (KTM). Kebanyakan penduduk sudah tinggal di situ lebih 20 tahun memabitkan 18 buah rumah kerana tiada kawasan penempatan yang sesuai. Terdapat juga isu mengenai peneroka dan generasi kedua FELDA yang menganggap urusan perumahan cukup mencabar untuk memiliki rumah sendiri dan memerlukan diperbanyakkan lagi projek perumahan di kawasan tersebut misalnya di FELDA Gunung Besout 2. Jumlah kapasiti generasi kedua sudah lebih 2,000 orang, belum lagi generasi ketiga FELDA manakala rumah yang baru baru 102 buah siap. Dalam perjanjian, lazimnya nama isteri dan anak sulung dinamakan dan ini sukar untuk membuat penempatan anak mereka dalam keadaan kawasan lot yang kecil. Pada masa yang sama boleh membawa kepada urusan perwarisan yang tidak selesai. Skim penanaman semula membawa kepada hutang tinggi kerana mengambil elaun sara hidup tinggi yang banyak. Dalam pemahaman biasa, elaun sara hidup ialah wang diberikan atas kerja yang dilakukan.

Pada masa yang sama juga, isu aktiviti ekonomi juga turut menjadi punca persoalan yang dibawa oleh calon. Aktiviti ekonomi yang dimaksudkan ialah aktiviti pertanian. Kebanyakan penduduk India di kawasan DUN Slim bekerja sendiri dan menjadi petani. Pekerjaan mereka ini menjadi mencabar apabila mendapat kekangan yang dihadapi dari segi mendapatkan kawasan untuk aktiviti bercucuk tanam kerana ada dalam kalangan mereka yang terpaksa menyewa tanah persendirian dan meneroka secara haram tanah kerajaan. Keadaan ini memberikan tekanan kepada penduduk di Slim, Perak terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam aktiviti pertanian.

Keputusan

Pilihan Raya Kecil Slim di negeri Perak merupakan pilihan raya kecil yang kedua belas selepas PRU-14. Menurut SPR, hari penamaan calon diadakan pada 15 Ogos 2020 manakala hari mengundi awal pada 25 Ogos 2020 dan hari pengundian pada 29 Ogos 2020. Barisan Nasional (BN) menerusi calonnya, Mohd Zaidi Aziz, mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim, selepas diumumkan menang dengan majoriti bergaya dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) kali ini. Mohd Zaidi meraih 13,060 undi menewaskan dua calon Bebas iaitu Amir Khusyairi Mohamad Tanusi (2,115 undi) dan Santhara Sekaran Subramaniam, yang memperoleh 276 undi. Mohd Zaidi yang juga pemangku Ketua UMNO Bahagian Tanjung Malim itu memperoleh majoriti 10,945 undi berikutan 68.4 peratus keluar mengundi daripada 23,094 pengundi keseluruhan (81.5 peratus pada PRU 2018), dengan 327 kertas undi pula ditolak. Keputusan penuh PRK DUN Slim itu diumumkan Pegawai Pengurus pilihan raya, Shamsul Ridzuan Idris di Dewan Sri Tanjung, Majlis Daerah Tanjung Malim, Perak. Pada PRU-14, Mohd Khusairi mempertahankan kerusi dengan majoriti 2,183 undi menewaskan calon Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang bertanding atas tiket PKR, Mohd Amran Ibrahim, dan calon PAS, Muhammad Zulfadli Zainal. PRK ini diadakan berikutan kematian penyandanginya, Datuk Mohd Khusairi Abdul Talib, 59 tahun, (UMNO), yang meninggal dunia akibat serangan jantung (sukar bernafas) pada 15 Julai 2020 lalu.

Faktor Sokongan dan Pola Pengundian

Bagi PRK DUN Slim, faktor kemenangan BN dalam PRK tersebut bukanlah sesuatu yang mengejutkan memandangkan kerusi itu milik tradisi mereka sejak tahun 2004. BN telah menguasai kerusi Slim selama empat penggal. Formula Muafakat Nasional dilihat sebagai faktor utama dalam memberikan kemenangan kepada calon BN, Mohd Zaidi Aziz malah turut menambah jumlah undi yang dimenangi BN pada PRU14 lalu. Muafakat Nasional juga merupakan sebagai satu formula terbaik untuk memberi kemenangan kepada parti yang bertanding selain mengelak berlakunya pertembungan lebih daripada dua penjuror. Keserasian dan kesepaduan dalam kalangan tiga parti ini wujud walaupun Bersatu baru sahaja menyertai Muafakat Nasional namun mereka tidak kekok untuk bersama-sama kita berkempen memenangkan calon. Bagi calon Bebas yang bertanding iaitu Amir Khusyairi Mohamad Tanusi dan Dr. S Santharasekaran pula, kehadiran mereka berdua hanyalah sebagai ujian kepada parti baharu dan gabungan baharu untuk mengetahui sejauh mana penerimaan rakyat terhadap mereka. Keputusan PRK ini menunjukkan kerjasama Muafakat Nasional sangat relevan dalam landskap politik khususnya apabila PRK Chini dilihat kurang memberangsangkan. Parti Bersatu pula dilihat kurang menonjol dalam PRK ini.

Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) yang kini dalam proses pendaftaran menjadikan PRK DUN Slim sebagai medan ujian sejauh mana penerimaan rakyat terhadap parti baharu itu selain melihat bagaimana keikhlasan rakan dalam Pakatan Harapan (PH) untuk menerima kewujudan mereka. Begitu juga dengan Bersatu yang mengambil keputusan menyertai

Muafakat Nasional ketika berlangsungnya PRK DUN Slim nyata menimbulkan kesangsian kepada UMNO. Mengambil contoh Amir Khusyairi, sungguhpun dia dibantu oleh parti dalam PH, jumlah undi yang dimenangnya tidak dapat mengatasi undi yang diperoleh Bersatu menggunakan lambang Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada PRU-14 lalu.

Sepertimana BN, beberapa pemimpin utama PH turut turun ke lapangan membantu calon Bebas yang menggunakan lambang Pokok itu malah kehadiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk berkempen turut mencuri tumpuan rakyat DUN Slim. Terdapat parti dalam PH yang tidak begitu bersungguh-sungguh membantu calon Bebas itu walaupun Amir Khusyairi mampu memberi saingan. Calon yang ditampilkan sebagai calon Bebas oleh Pejuang itu mempunyai latar belakang yang baik malah memiliki personaliti menarik untuk dipertimbangkan pengundi di situ namun keyakinan pengundi kepada calon Bebas untuk membantu mereka dari segi pembangunan fizikal dan modal insan adalah terbatas kerana calon tersebut bukan daripada parti pemerintah. Ternyata apabila PKR dan DAP tidak terlibat banyak dalam PRK ini manakala segala perancangan, gerak kerja berkempen, mengatur strategi dilakukan sepenuhnya kumpulan parti Pejuang. Sekiranya menggunakan logo parti pun, elemen penolakan tetap berlaku kerana Pejuang dianggap sebagai pemecah undi Melayu dengan kewujudan parti baru yang sebelum ini Mahathir sendiri pernah menyatakan pembentukan parti baru Melayu akan memecahkan sokongan undi Melayu dalam berpolitik.

Pada hari mengundi, tiada pemimpin PH yang hadir melawat pusat-pusat mengundi. Malah ketika kempen pun kita tengok tiada kehadiran pemimpin besar daripada DAP dan PKR seperti Lim Guan Eng, Datuk Seri Anwar Ibrahim kecuali Amanah iaitu Mohamad Sabu datang berkempen. Tidak seperti BN yang mana hampir kesemua pemimpin tertinggi dalam Muafakat Nasional turun berkempen di Slim sehingga tempoh kempen berakhir kelmarin. Dalam pada itu, PRK DUN Slim sangat penting bagi BN untuk membina momentum dalam memastikan kemenangan majoriti lebih besar berbanding PRK terdahulu. PRK itu juga harus menjadi pemangkin kepada parti politik untuk mencari jalan bagaimana kerjasama politik dapat membentuk kepercayaan lebih tinggi sesama ahli gabungan parti masing-masing. Pentas ujian parti politik sepanjang PRK DUN Slim sudah pun melabuhkan tirainya dan mereka selepas ini akan melangkah ke medan perang awal di Sabah sebelum terjebak dalam peperangan sebenar pada PRU15 yang ditunggu-tunggu oleh semua orang.

Dalam PRK Slim ini, jumlah peratusan keluar mengundi ialah sebanyak 68.4 peratus. Ini berbeza dalam PRU lepas yang jumlah turun mengundi sebanyak 85 peratus. Hal ini bermakna hampir satu pertiga daripada jumlah 23,181 pengundi tidak mengundi. Sejumlah sekitar 7,300 tidak keluar mengundi. Malah didapati hampir 35 peratus pengundi muda tidak keluar mengundi. Penurunan peratus mengundi disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu ramai pengundi berpendapat bahawa keputusan PRK Slim ini sama ada BN menang atau kalah, tetap tidak mengubah kerajaan di Putrajaya mahupun kerajaan negeri Perak sekurang-kurangnya ini merupakan sentimen anak muda. Yang kedua, terdapat pengundi bekerja di luar dan agak sukar untuk balik untuk mengundi semata-mata kerana ia melibatkan kos minyak dan perbelanjaan lain, lebih-lebih lagi ramai sudah balik pada sambutan Hari Raya Aidil Adha baru-baru ini. Namun sejumlah 7,300 juga dijangka terdiri daripada penyokong Pakatan Harapan, bermakna, faktor ketiga ialah terdapat dilema pengundi yang menyokong Pakatan Harapan sebelum ini. Mereka menyokong PH namun parti Pejuang bukanlah dalam Pakatan Harapan. Malah gerak politik Mahathir dilihat cuba memecahkan PH apabila tidak bersetuju mencalonkan Anwar Ibrahim sebagai calon perdana menteri. Sikap dan pendirian Mahathir inilah ditolak dan diprotes oleh penyokong tegar Pakatan Harapan. Mereka mahu

memberikan mesej kepada Mahathir bahawa tindak tanduk Mahathir yang membawa kepada tumbangnyanya Pakatan Harapan merupakan detik hitam dalam sejarah politik yang tidak akan dilupakan oleh penyokong PH.

Dari segi pola pengundian, majoriti pengundi di kawasan FELDA iaitu FELDA Besout menyokong BN. Peralihan pengundi India dan Cina menunjukkan mereka lebih rela memilih BN daripada mengundi calon yang disokong oleh Mahathir. BN/UMNO terus mendominasi undi Melayu di luar bandar khususnya majoriti di kawasan Slim ialah petempatan FELDA. Keputusan Pusat Daerah Mengundi sangat memberangsangkan hingga sasaran 8,000 majoriti melonjak ke 10,000 yang merupakan angka yang sangat besar dan dianggap sebagai di luar jangkaan. Kesemua Pusat Daerah Mengundi (PDM) menunjukkan peningkatan undi yang mempunyai 13 PDM. Sebelum ini kalah dalam 6 PDM kini semua kawasan tersebut menang. Dalam 6 PDM pada 2018, terdapat 70.35 peratus pengundi menyokong calon PH tetapi kali ini sejumlah 68.26 peratus pengundi memilih calon BN. Perubahan ini menunjukkan peralihan sokongan yang signifikan. Perubahan sokongan jelas ialah di Sungai Slim Utara, PDM dengan majoriti pengundi Cina (60.85 peratus). Pada PRU 2018, BN hanya mendapat 17.85 peratus undi namun kali ini menang dan meraih 61.28 peratus undi. Ilham Centre yang membuat kajian intensif dalam PRK Slim merekodkan bahawa terdapat perubahan yang signifikan, iaitu BN memperoleh sekitar 91% undi orang Melayu berbanding 9% untuk Pejuang. Terdapat pola menunjukkan 68% pengundi Cina dan 61% pengundi India memilih BN. Sedangkan pada PRU-14, 51% orang Melayu memilih BN sementara hanya 18% orang Cina dan 24% orang India mengundi BN. Kesemua ini menunjukkan bahawa BN dan PAS sebagai teras Muafakat Nasional mampu membawa perubahan dalam landskap politik negara. Meskipun kemenangan besar dalam PRK Slim ini sesuatu yang dapat dibanggakan oleh penyokong BN dan Muafakat Nasional, namun ini bukanlah jaminan untuk memperoleh kemenangan besar dalam PRU ke-15 akan datang. Tambahan pula ia sekadar PRK, dan tidak boleh digunakan untuk mengukur prestasi sebenar kekuatan BN dalam konteks yang luas dan menyeluruh di seluruh negara.

Status Quo Geopolitik BN/UMNO dalam PRK DUN Slim 2020

Kemenangan BN/UMNO dengan majoriti yang besar dalam PRK Slim 2020 disebabkan oleh 8 faktor seperti berikut iaitu kubu kuat BN/UMNO, tiada parti politik besar yang bertanding, kestabilan dibawah teraju BN, keamanan dibawah pemerintahan BN, geopolitik etnik Melayu bersama BN/UMNO, sokongan pengundi teras iaitu daripada orang UMNO, calon BN yang dikenali dan merupakan anak tempatan serta kadar keluar mengundi yang rendah.

Faktor pertama adalah status DUN Slim sebagai kubu kuat BN/UMNO. Kawasan DUN Slim boleh dikelaskan sebagai kubu kuat BN/UMNO kerana BN/UMNO menyapu bersih dengan memenangi 14 kali pilihan raya di kawasan tersebut terutamanya di kawasan Daerah Mengundi majoriti etnik Melayu. Parti pembangkang tidak pernah di kawasan tersebut namun masih mendapat undi daripada penyokong mereka. Kubu kuat ini menunjukkan bahawa majoriti pengundi di kawasan ini terus-menerus menyokong BN/UMNO walau apapun isu yang melanda negara. Ini menunjukkan bahawa mereka setia dengan BN/UMNO kerana parti iaitu perjuangan parti bukannya kerana kepimpinan semata-mata. Oleh itu, BN/UMNO terus menang bergaya dalam PRK DUN Slim tersebut.

Faktor kedua adalah tiada parti politik besar yang bertanding. Dalam PRK DUN Slim ini hanya 2 orang calon Bebas yang bertanding dan PH tidak meletakkan calonnya atas alasan penularan wabak pandemik COVID-19. PH yang memperoleh 6,144 undi pada PRU 2018

tidak bertanding pada PRK DUN Slim 2020 manakala PAS yang memperoleh 4,013 undi tidak bertanding kerana menyokong BN/UMNO atas dasar Muafakat Nasional. Ini menyebabkan undi kepada BN/UMNO bertambah manakala undi PH pada PRU 2018 tidak diterjemahkan dalam PRK 2020 di Slim yang seterusnya menyebabkan peratusan keluar mengundi turun daripada. Ini menyebabkan BN/UMNO menang dengan majoriti besar dalam PRK 2020 iaitu meningkat daripada 2,183 undi pada PRU 2018 kepada 10,945 undi pada PRK 2020.

Faktor ketiga adalah kestabilan dibawah teraju BN. Majoriti pengundi di kawasan DUN Slim memilih dalam PRK 2020 kerana inginkan keadaan sosioekonomi dan politik yang stabil. Keadaan yang stabil akan memberikan perasaan yang tenang dalam menghadapi kehidupan sehari-hari. Kestabilan yang boleh dikecapi dibawah BN akan memudahkan mereka menjalani kehidupan tanpa keresahan dan ganggu gugat daripada pihak yang tidak bertanggungjawab. Rakyat juga dapat menjalankan aktiviti ekonomi dan sosial dengan lancar dan baik hasil daripada kestabilan politik dan sosioekonomi di kawasan tersebut. BN terbukti berjaya memerintah Negeri Perak dan juga negara dengan aman dan sejahtera dengan pembangunan infrastruktur dan kerohanian yang berterusan secara teratur dan sistematik. Dalam konteks sekarang juga Kerajaan BN Pusat dan Kerajaan BN Perak telah memberikan bantuan kewangan, barangan, latihan, kemahiran serta khidmat nasihat kepada golongan sasar sebaik mungkin dalam keadaan rakyat menghadapi impak negatif akibat penularan wabak pandemik COVID-19 sejak Februari 2020 hinggalah sekarang. Inilah yang menjadikan BN sebagai pilihan pengundi dalam PRK DUN Slim tersebut.

Faktor keempat adalah keamanan dibawah pemerintahan BN. Pemerintahan BN di Negeri Perak dan negara mewujudkan keamanan dalam hidup bermasyarakat majmuk tanpa sebarang pergaduhan besar dalam kalangan etnik dan agama yang pelbagai dan rencam di negeri dan negara ini. Ini menjadikan rakyat senang dan bebas untuk bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain meskipun lokasi yang berbeza etnik dan agama. Muafakat dalam BN dalam kalangan parti komponen yang berbeza mengikut etnik menghasilkan toleransi hidup bermasyarakat majmuk demi untuk mewujudkan suasana kehidupan yang muhibbah dan saling memahami antara kaum dan agama. Inilah yang berjaya dipupuk BN sesama parti komponen yang berbeza etnik yang dapat dijadikan teladan oleh masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Keamanan inilah yang didambakan semua etnik dan BN berjaya menyatupadukan kaum yang berbeza di negara ini. Keadaan ini diterjemah dalam PRK DUN Slim yang memberikan kemenangan besar kepada calon BN.

Faktor kelima adalah geopolitik etnik Melayu bersama BN/UMNO. Orang Melayu sama ada orang UMNO mahupun pengundi Melayu yang tidak berparti lebih yakin dan percaya kepada BN/UMNO. Pemerintahan BN/UMNO terbukti telah berjaya melahirkan cerdik pandai orang Melayu keluaran universiti di samping terdapat usahawan Melayu yang berjaya yang dibantu oleh Kerajaan BN. Ini menjadikan pengalaman dan trek rekod baik Kerajaan BN dalam meningkatkan taraf sosioekonomi orang Melayu sejak merdeka hinggalah sekarang dengan pelbagai bantuan kewangan dan khidmat nasihat kepada usahawan Melayu melalui agensi bumiputera seperti MARA, TERAJU dan sebagainya. Ini menyebabkan pengundi Melayu lebih yakin dan selesa serta berasa selamat memberi undi kepada BN/UMNO untuk tempaoh 4-5 tahun penggal pemerintahan.

Faktor keenam adalah sokongan pengundi teras iaitu daripada orang UMNO. UMNO mempunyai cawangan yang mempunyai keahlian yang teramai di kawasan Slim. Sebahagian besar orang UMNO yang setia kepada partinya akan mengundi sesiapa sahaja yang

dicalonkan sebagai calon BN/UMNO dalam sesuatu pilihan raya termasuklah dalam PRK DUN Slim. Meskipun undi golongan atas pagar akan berpecah sokongan namun setidaknya hampir 100 peratus daripada 40 peratus pengundi partisan akan memihak kepada BN/UMNO. Justeru BN/UMNO hanya memerlukan sekitar 20 peratus pengundi yang tidak berparti untuk menang dengan majoriti sederhana dalam sesuatu pilihan raya. Justeru, kemenangan BN/UMNO dalam PRK DUN Slim 2020 turut dibantu oleh sokongan orang UMNO sendiri demi kesetiaan kepada parti mereka dalam pilihan raya tersebut.

Faktor ketujuh adalah calon BN yang dikenali dan merupakan anak tempatan. Calon BN iaitu Mohd Zaidi Aziz merupakan anak tempatan yang selama ini menetap di Slim. Beliau memegang jawatan yang melibatkan seluruh masyarakat di Slim dan Tanjung Malim iaitu sebagai Ketua UMNO Cawangan Slim Village (2018-2020), Ketua Pemuda Cawangan Slim Village (2000-2018), AJK Biro Kebajikan UMNO Malaysia (2015-2018), Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tanjung Malim dan Ketua Penerangan UMNO Bahagian Tanjung Malim (2013-2018). Oleh itu beliau dikenali masyarakat di Slim, tambahan pula telah menetap sejak kesekian lamanya di Slim. Oleh itu, beliau mendapat kepercayaan pengundi Slim untuk menjadi wakil rakyat bagi DUN Slim.

Faktor kelapan adalah kadar keluar mengundi yang rendah. Data menunjukkan bahawa 68.4 peratus keluar mengundi daripada 23,094 pengundi keseluruhan berbanding 81.5 peratus pada PRU 2018. Pengundi yang tinggal di luar kawasan tidak turun mengundi kerana mereka masih bimbang dengan rebakan wabak pandemik COVID-19; muak atau bosan dengan aktiviti berpolitik ahli politik yang tidak berkesudahan; calon atau parti politik pilihan tidak bertanding; tidak setuju dengan PRN ketika COVID-19 yang belum reda serta kemelesetan ekonomi; tidak dapat cuti bekerja/belajar; menganggap PRN tersebut tidak penting serta membuang masa, tenaga dan wang perjalanan pergi dan pulang; dan tekad untuk turun mengundi pada PRU 2018 telah tercapai dengan BN atau Dato' Seri Najib telah tewas pada peringkat Persekutuan serta GST sudah dihapuskan.

Kadar keluar mengundi rendah yang paling utama adalah kerana kegusaran pengundi untuk turun mengundi disebabkan penularan wabak pandemik COVID-19. Faktor penularan wabak pandemik COVID-19 dijadikan sebab tidak turun mengundi kerana mereka bimbang apabila turun mengundi maka mereka akan berselisih dengan ramai pengundi lain dan ini akan memudahkan mereka untuk dijangkiti. Selain itu, apabila dijangkiti wabak tersebut maka ini akan menyusahkan mereka jika dijangkiti. Ini kerana mereka akan merasa lemah, tidak selesa, emosi terjejas, kurang selera makan dan minum, kos meningkat kerana terpaksa membeli ubat dan alat ujian COVID-19, terpaksa kuarantin di rumah, aktiviti luar tersekat, berkemungkinan dipulaukan orang lain akibat terjangkit wabak tersebut, bimbang akan menjangkiti orang lain terutamanya yang tinggal serumah dan yang serius terpaksa 'ditidurkan' di hospital dan jika terlalu kritikal akhirnya boleh membawa maut.

Penurunan kadar keluar mengundi ini terutamanya pengundi yang bimbang dengan penularan wabak pandemik COVID-19 dan alasan lain tersebut telah memberi kelebihan kepada BN/UMNO iaitu orang UMNO akan tetap turun mengundi demi memastikan calon daripada parti mereka memenangi dimana sahaja kawasan mereka tandingi. Justeru, kadar turun mengundi yang rendah akan memberi kelebihan kepada BN untuk menang, sebaliknya jika peratus turun mengundi meningkat sehingga 90 peratus maka BN/UMNO berkemungkinan untuk tewas sama ada kepada PH mahupun PN.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kemenangan BN dalam PRK DUN Slim sememangnya sudah dijangka kerana PH tidak meletakkan calon dan pengundi PAS pada PRU 2018 beralih menyokong BN/UMNO atas dasar Muafakat Nasional antara UMNO dan PAS. BN/UMNO menang dengan majoriti besar kerana pengundi PH tidak turun mengundi di samping mendapat sebahagian besar undi PAS pada PRU 2018. DUN Slim terus kekal sebagai kawasan majoriti Melayu 80 peratus menjadi kubu kuat BN/UMNO dalam PRK 2020. Faktor sikap pengundi, calon tempatan yang dikenali dan kekuatan jentera BN/UMNO menjadi pemangkin kepada kemenangan BN/UMNO dalam PRK tersebut. Dalam keadaan negara termasuk DUN Slim mengalami penularan wabak pandemik COVID-19 maka pengundi berhati-hati untuk turun mengundi kerana dibimbangi akan dijangkiti wabak tersebut maka peratus keluar mengundi telah turun sebanyak 13.1 peratus. Maka rakyat tiada pilihan bahawa jika diadakan pilihan raya pada masa sekarang maka mereka perlu menghadapi dan menerimanya dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan pihak berkuasa dan bersedia dengan norma baharu dalam keadaan tersebut.

Rujukan

- Amer Hamzah Arshad. (2011). The real question on Perak. In Audrey Quay. *Perak: A State of Crisis*. Petaling Jaya: Liberal Banter Sdn. Bhd.
- Amer Saifude Ghazali. (2013). Analisis dan pola pengundian. Dlm. Mohammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali. *Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang 2009*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).
- Amir Hasan Dawi. (2013). Pola pengundian di Perak dalam PRU-13. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Editor). *PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi?*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bloggers Network Perak. (2009). *Rampasan Kuasa Negeri Perak Durjana UMNO-BN: Siapa Menteri Besar yang Sah Mengikut Undang-Undang*. Ipoh: Bloggers Network Perak.
- Haslinda Mohd Anuar. (2020). Election during COVID-19 pandemic: Constitutional Perspectives. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*, 5(21), 277-284.
- Iskandar Dzulkarnain Ahmad Junid. (2020). The Battle for Perak. In Edmund Terence Gomez and Mohamed Nawab Mohamed Osman. *Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power*. London and New York: Routledge.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2009). Pola politik mengikut kaum di kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059). *Seminar Malindo-Nusantara (I)*. The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Provinsi Sumatera Barat, Indonesia. 16-17 Disember.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2013). Pola pengundian dalam Pilihan Raya Kecil 2009-2011 di Malaysia. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Editor). *PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi?*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar & Rosniza Aznie Che Rose. (2021). Sentimen dan sokongan politik luar bandar. Dlm. Suhana Saad, Azima Abdul Manaf & Mohd Fuad Mat Jali (Pnyt.). *Kelestarian Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia*. Hlmn. 81-103. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Mohd Muslim Said. (2021). Geografi Pilihan Raya Parlimen Bagan Serai: Isu dan aplikasi. *Demokrasi dan Pilihan Raya*, 5(1), 50-79.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali. (2014). Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia dengan menggunakan pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi. *Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia Ke-8 (PAHMI8) (The 8th International Conference On Malaysia-Indonesia Relations)*. Fakultas Hukum, Universitas Lancang Kuning (UNILAK), Pekanbaru, Provinsi Riau, Indonesia. 23-25 September.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2010). Analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. *E-Bangi*, 5(1), 26-37.
- Kamaruddin Yaakob. (1988). *Riwayat Hidup Menteri Besar-Menteri Besar Perak Darul Ridzuan*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Khairi Ariffin, Ramli Saadon & Tuan Waheeda Tuan Chik. (2019). Pilihan Raya Umum ke-14 di Negeri Perak. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kuek Ser Kuang Keng. (2012). By-Election 4: P59 Bukit Gantang, Perak (March 29-April 7, 2009). In Wong Chin Huat & Soon Li Tsing (Editor). *Democracy at Stake? Examining 16 By-election in Malaysia, 2008-2011*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Madhi Hasan & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2017). *Kerajaan Pakatan Rakyat di Perak: Gelora dalam Politik Gabungan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Adilah Shahirah Shafie, Ariff Aizuddin Azlan & Mazlan Che Soh. (2021). Pilihan Raya Kecil Slim 2020 di Perak, Malaysia: Prestasi Perikatan Nasional. *E-Bangi*, 18(7), 222-242.
- Reema B. Jagtiani. (2014). Lumut, Perak: Patronage, clientism and the post-coup Order. In Meredith L. Weiss. *Electoral Dynamics in Malaysia: Finding from the Grassroots*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Siti Noranizahhafizah Boyman & Jayum Anak Jawan. (2016). Kegoyahan Pakatan Rakyat di Perak. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail, Sity Daud (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Siti Noranizahhafizah Boyman, Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, Hanifah Mahat, Nasir Nayan & Samsudin Suhaili. (2021). Rasional politik pilihan raya di Perak dalam PRU-14. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 201-227. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.